

# Muzium Marin UMS catat 39,074 pengunjung 2013

UM 22.1.2014 26

KOTA KINABALU 21 Jan. - Muzium Marin Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencatatkan seramai 39,074 pengunjung sepanjang tahun lalu berbanding hanya 28,663 pada tahun sebelumnya.

Kurator muzium itu, Flora Anne Asalin berkata, daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 30,438 adalah pelawat tempatan, 4,548 pelawat antarabangsa dan selebihnya adalah tetamu rasmi universiti, golongan orang kurang upaya serta warga UMS sendiri.

"Peningkatan pelawat ini juga menunjukkan Muzium Marin UMS

terus menjadi pilihan sebagai salah satu destinasi pelancongan apabila berada di Kota Kinabalu," katanya di sini baru-baru ini.

Muzium yang dikendalikan oleh Institut Penyelidikan Marin Borneo itu dibuka kepada orang ramai pada setiap hari kecuali Rabu dan cuti awam bermula pukul 9.30 pagi hingga 4.30 petang.

Tambah Flora, bilangan pengunjung mengalami peningkatan mendadak pada musim cuti sekolah dengan jumlah 7,846 pelawat pada bulan November dan 5,337 pada Disember lalu.

"Pada 2009 seramai 12,228 kehadiran pelawat telah dicatatkan diikuti 22,990 orang pada 2010, 23,808 orang pada 2011 dan 28,663 orang pada 2012. Jumlah keseluruhan pelawat antara tahun-tahun berkenaan adalah seramai 126,763 orang," katanya.

---

**BEBERAPA** pengunjung melihat penyu secara dekat di Muzium Marin Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

